

NASIES 2017 GAMIT PENYERTAAN PELBAGAI INDUSTRI

PPA UUM COB

Sun 08/10/2017 3:14 PM

To: UUMstudentgroup <studentnet-out@uum.edu.my>; UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>;

Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali <hendrik@uum.edu.my>; Wan Norazlinda binti Wanchik <azlind@uum.edu.my>;



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**
STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS
Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

08 OKTOBER 2017 / 17 MUHARAM 1439H

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



PPA COB ONLINE: Seramai 150 orang pelajar daripada program Perakaunan TISSA UUM termasuk pelajar daripada Tunku Abdul Rahman University College (TARC) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) telah berkampung di UUM sempena *Northern Accounting Students Industrial Engagement Summit 2017 (NASIES 2017)*.

Program yang dianjurkan oleh Kelab Perakaunan (NOVAC) dengan kerjasama Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM) serta Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Perniagaan (PPA COB) berlangsung pada 29 – 30 September 2017.

Objektif utama program NASIES 2017 adalah untuk mewujudkan mini minggu kerjaya khusus untuk pelajar semester akhir program Perakaunan.

Sebanyak 16 badan korporat telah menyertai program ini antaranya Deloitte, BDO dan Motorola yang mana para pelajar telah ditemuduga secara terus bagi mendapatkan tempat praktikum di syarikat berprestij tersebut.

Selain itu juga, program ini telah menjemput beberapa nama besar di dalam industri iaitu YM Raja Azura Raja Mahayuddin, Ketua Eksekutif Yayasan PENERAJU dan Puan Zulfa Ashida Zulkifli, Pengarah Kumpulan Pengurusan Sumber Manusia Bursa Malaysia untuk berkongsi mengenai persediaan yang harus dilakukan oleh para pelajar sebelum keluar ke dunia pekerjaan. Dr. Hendrik Lamsali, Dekan PPA-COB juga telah mengendalikan satu slot perkongsian mengenai revolusi perindustrian dan kesannya kepada kerjaya pada masa hadapan.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan PPA COB yang mewakili Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

Pada majlis tersebut, YM Raja Azura Raja Mahayuddin, Ketua Eksekutif Yayasan PENERAJU telah menerima watikah perlantikan sebagai penasihat industri kepada NOVAC.

NASIES 2017 telah menerima penajaan daripada badan korporat dan badan profesional perakaunan seperti Deloitte, Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), CPA Australia, CPA Malaysia, Malaysian Institute of Accountants (MIA), BDO dan AVERIS.

-Tamat-

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
☎ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.